

22 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Surat)

SURAT PERIHAL SALAH LAKU DISERAH PADA DAIM UNTUK PM

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Ummi Hafilda Ali, penulis surat yang mendedahkan dakwaan skandal seks Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau menyerahkan surat itu kepada Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin serta dua orang lagi untuk disampaikan kepada Perdana Menteri.

Beliau berkata salinan surat juga diserahkan kepada Datuk Aziz Shamsuddin iaitu setiausaha politik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kepada Ziela Jalil untuk diberikan kepada suami Ziela, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

"Selain daripada itu saya tidak menghantar kepada sesiapa," katanya pada perbincangan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menghadapi empat tuduhan menyalahgunakan kuasa dengan menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Anwar, 51, didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Kepada soalan peguam bela Christopher Fernando, Ummi Hafilda berkata beliau memberikan kepada mereka kerana beliau tidak mempunyai saluran terus kepada Perdana Menteri.

"Laporan itu terlalu sulit, saya terpaksa mendapatkan bantuan hanya daripada orang yang rapat dengan Perdana Menteri," katanya yang mengaku menjadi anggota Umno dan bekas ketua wanita cawangan Klang Gate Baru.

Semasa ditanya sebab beliau menemui peguam Karpal Singh, yang juga pemimpin DAP, untuk mendapatkan nasihat dan bukan dari Umno atau Barisan Nasional, beliau berkata pertemuan itu bagi mendapatkan nasihat perundangan.

Beliau menolak cadangan peguam bahawa pertemuan itu bertujuan mempolitikkan isu itu.

Ummi Hafilda mengaku bahawa beliau menyertai satu majlis penerangan bersama Tun Ghafar Baba dan Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik di Pulau Pinang atas jemputan Timbalan Ketua Menteri Datuk Shariff Omar tetapi beliau sekadar untuk memperkenalkan dirinya sahaja.

Beliau juga mengaku membuat satu surat akuan berkanun bertarikh 23 Jun lepas yang dibuat oleh peguam dan menandatangani dalam keadaan terdesak.

Surat itu bagi menunjukkan bahawa beliau tidak terlibat sama sekali dengan surat yang terkandung dalam buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM.

Ditanya sama ada beliau membuat laporan polis terhadap Anwar, beliau berkata laporan polis tidak dibuat kerana beliau takut ditangkap dan dipaksa oleh polis.

"Saya takut mungkin sekali lagi saya akan ditangkap dan dipaksa membuat sesuatu yang bertentangan dengan kehendak saya. Saya mengalami fobia (rasa gerun) selepas saya ditangkap polis pada 17 Ogos tahun lepas," katanya.

Beliau ditangkap polis pada 17 Ogos 1997 dan disoal siasat tanpa henti dari 12 tengah malam hingga 7 pagi keesokannya bagi membolehkan beliau membuat surat penafian terhadap dakwaannya terhadap Anwar.

Ummi Hafilda, adik bekas setiausaha sulit Anwar, Mohd Azmin, berkata demikian ketika disoal balas oleh peguam Anwar, Christopher Fernando.

Antara dakwaan dalam surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" yang dihantarnya kepada Perdana Menteri ialah isteri Azmin,

Shamsidar Taharin mempunyai hubungan sulit dengan Anwar dan surat itu disertakan bersama pengakuan bersumpah Azizan yang dia diliwat Anwar.

Azizan merupakan bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Ummi Hafilda berkata beliau juga telah dipanggil untuk memberi keterangan lebih 10 kali di ibu pejabat polis Bukit Aman selepas beliau dibebaskan dengan jaminan polis pada 18 Ogos 1997.

Ketika ditanya sama ada beliau bertemu dengan seorang lelaki Mohd Taib Solomon, beliau berkata beliau menemuinya bersama seorang lagi lelaki yang dikenali sebagai Mr Tan di pejabat kenalannya Dr Ristina Majid.

"Saya bertemu mereka yang datang bersama Datuk Aziz Shamsuddin (setiausaha politik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), tetapi tidak tahu apa peranan mereka, cuma diberitahu oleh Dr Ristina bahawa mereka dari Cawangan Khas," katanya.

Mahkamah telah diberitahu bahawa Mohd Taib, bekas pegawai polis yang dibuang kerja, menyamar menjadi pegawai Cawangan Khas.

Ditanya apa tujuan beliau berjumpa Aziz, Ummi Hafilda berkata ia bagi meminta bantuan menyerahkan surat itu kepada Perdana Menteri.

Perbincaraan disambung 9 pagi esok.

-- BERNAMA

NHD MAI